

## Kenali khadam ayat

Bersama: DR. AMRAN KASIMIN

Soalan: Saya pernah menuntut ilmu yang dikenali sebagai “ilmu khadam ayat” daripada seorang pak haji yang tinggal di negara jiran dan saya mengamalkannya sehingga sekarang ini. Banyak kebaikan yang diperoleh, tetapi sejak kebelakangan ini isteri saya kadang-kadang terlihat lembaga seperti saya, padahal ketika itu saya kerja luar dan tidak bermalam di rumah. Adakah apa yang berlaku hanya khayalan isteri saya semata-mata?

– Paidi Keromo, Banting.

Jawapan: Satu istilah yang agak popular di kalangan mereka yang melibatkan diri dengan rawatan tradisional ialah “khadam ayat”. Menurut seorang responden, khadam ayat bukan daripada golongan manusia, jin ataupun malaikat, tetapi merupakan “khadam” kepada ayat yang dibaca dan diamalkan menurut kaedah tertentu. Ayat al-Kursi misalnya memang mempunyai fadilat besar yang boleh digunakan untuk merawat sakit akibat gangguan. Sekiranya seseorang itu membaca ayat ini dalam kekerapan tertentu, selama 40 hari di tengah malam di samping membaca ayat-ayat berikut:

*Bi ‘s-mi ‘Llahi mujbiruha*

*Aqsamtu calayka ayyuha ‘l-Khadim Qaytu ‘r-rusi*

*Bi ‘s-mi ‘Llahi ‘l-cazimi ‘l-aczam*

*Inni cabdullah wa bi ‘n-nuri wa bi ‘Llah*

*Wa bima jara bihi ‘l-calimu cinda ‘Llah.*

Orang yang berkenaan akan didatangi oleh makhluk berjubah hijau menghulurkan tangan dalam keadaan sedar, bertanya apa yang dihajati. Tujuan yang perlu dijelaskan oleh pengamal ialah supaya makhluk itu taat menurut perintahnya.

Menurut responden, khadam ayat akan menjaga diri pengamal, keluarga dan harta bendanya, juga boleh digunakan untuk tujuan rawatan. Ia juga boleh diperintahkan menjaga orang lain. Ketika pengamal tidak ada di rumah, khadam ayat akan menjaga rumah dengan menjelmakan diri menyerupai orang berkenaan. Khadam ayat hanya diguna untuk menangani sakit yang teruk ataupun masalah besar. Memperoleh khadam ayat tidak ubah seperti memperoleh pisau tajam yang hanya perlu digunakan untuk memotong benda-benda besar. Walaupun demikian ia juga boleh digunakan bagi tujuan jahat kerana khadam ayat taat menurut kata pengamalnya. Kerana itulah orang yang mengamalkan kaedah untuk mendapatkan khadam ayat perlu terdiri daripada orang yang ikhlas dan berilmu agar ilmu yang dimiliki itu tidak disalahgunakan, yang akhirnya akan merosakkan diri sendiri dan orang lain.

Seorang pengamal rawatan tradisional lain, berumur 60 tahun yang tinggal di Semenanjung menegaskan orang yang menurun diresapi jin-jin termasuk iblis dan syaitan tetapi khadam termasuk khadam ayat tidak boleh meresap ke dalam tubuh manusia. Ketika menurun, jin-jin datang bersatu dengan roh (angin) yang disedut melalui pernafasan meresap dalam tubuh menyebabkan seseorang itu tidak sedarkan diri. Apabila angin iblis lebih banyak atau lebih menguasai angin badan (hak Allah) dalam tubuh maka ia akan menyebabkan seseorang ini tidak sedarkan diri (menurun). Hal yang sama berlaku ke atas mereka yang terkena rasuk.

Menurut pengertian yang difahami orang Melayu, khadam bererti hamba ataupun orang suruhan yang taat kepada tuannya. Menurut responden yang sama, khadam yang dimaksudkan di sini bukan orang suruhan seperti yang difahami umum, seumpama hubungan antara seorang tuan dengan orang suruhannya.

Khadam adalah sejenis makhluk, bukan daripada golongan manusia dan bukan daripada golongan jin sama ada jin kafir ataupun jin Islam. Khadam yang mendampinginya bukan terdiri daripada makhluk halus belaan atau sahabat kerana ia tidak mempunyai apa-apa perjanjian antara mereka dalam keadaan apa sekalipun, sama ada untuk memberi makan pada waktu-waktu tertentu atau sebagainya.

Khadam yang berdampingan dengannya adalah terdiri daripada makhluk yang diutus oleh Allah yang termasuk dalam golongan makhluk ghaib. Dia adalah hamba Allah yang bertaraf wali, seperti wali sepuluh yang terpilih daripada segala wali yang dikenali sebagai "Rijalul Ghaib", yang juga dikenali sebagai "Khadam Roh".

Khadam bukan jin Islam, tetapi wali Allah. Makhluk yang tidak berdosa, asalnya adalah manusia, apabila mati ghaib begitu sahaja tanpa kubur. Responden mendakwa gurunya dari Kelantan, ghaib setelah dikebumikan. Khadam adalah hak Allah.

Amalan yang dilakukan olehnya untuk berdampingan dengan khadam ialah dengan mengadakan kenduri terlebih dahulu sebelum mengamalkan ayat-ayat yang terdiri daripada Kepala Doa Akashah, Doa Akashah, Pelapik Doa Akashah, Doa Rijalul Ghaib selepas menunaikan sembahyang fardu selama 40 hari.

Tidak lama setelah mengamalkan ayat tersebut ia bermimpi melihat bulan. Pada malam berikutnya ia bermimpi didatangi oleh seorang lelaki berjubah yang kemudiannya diikuti oleh mimpi-mimpi lain yang tidak pernah berlaku sebelum itu pada malam-malam berikutnya. Bermula dari hari itu ia didampingi khadam yang boleh dipanggil untuk tujuan rawatan dan tilikan.

Ketika melakukan rawatan ataupun ketika berhadapan dengan seseorang yang memerlukan pertolongan, responden akan memanggil khadam yang mendampinginya tadi. Perkataan "Tok Syeikh" digunakan untuk merujuk kepadanya. Bagi tujuan rawatan, mula-mula responden akan bertanya nama pesakit ataupun orang yang memerlukan pertolongan. Kemudian ia memanggil Tok Syeikh dengan kata-kata:

*Bis 'mi 'Llahi 'r-rahmani 'r-rahim*

*Ya allah, ya Tuhan,*

*Ya Ilahi, kaf ha ya cayn sad*

*Ya Hayyu ya Qayyum, Ya sadiq*

*Ya uli 'l-albab.*

*(kata-kata ini disambung dengan bacaan al-Fatihah yang didahului oleh bacaan bismillah).*

*Ya Rijalul ghaib*

*Wali-wali*

*As-salamu calaykum ya Rasulullah*

*Ya Jibrail*

*Ya Allah, Ya Allah, Ya Allah*

*Ya Rijalal Ghaib*

*Mari sini*

*As-salamu calaykum*

*Ya Qutub, Nubah, Abdar, nor Jabar*

*Penjaga alam*

*Ya Rijalul Ghaib*

*Engkau jaga empat penjuru alam ini*

*Engkau jaga diri aku*

*Jangan beri rosak mari*

*Dan anak isteri aku*

*Dan harta milikku*

*Ya Rijalul Ghaib*

*Mari sini, tengok apa sakit*

*(sebut nama pesakit dan nama ibunya)*

*Ya Rijalul Ghaib.*

Sekiranya sakit yang dialami oleh seseorang itu akibat sihir, khadam akan memberitahunya termasuk jenis sihir sama ada sihir melalui pemakanan, terlangkah benda dan sebagainya. Dalam masa yang sama, khadam boleh diminta memusnahkan sihir yang ditanam di bumi, ataupun sihir yang dibuat dengan kaedah lain.

Setelah upacara rawatan sempurna dilakukan, responden membaca ayat-ayat al-Quran (at-Talaq: 2-3) yang lebih dikenali sebagai Ayat Seribu Dinar.

Responden juga mendakwa bahawa ia tidak ada membuat apa-apa perjanjian dengan rijalul Ghaib. Apa yang dilakukan ialah membaca al-Fatihah sebanyak tiga kali yang disedekahkan kepada Rijalul Ghaib sebelum ia memanggilnya datang. Makhluk ini amat suka disedekahkan dengan bacaan al-Fatihah.

Setelah Adam sempurna dijadikan, Allah memerintahkan para malaikat agar sujud menghormatinya. Iblis yang pada mulanya begitu tekun, taat dan tunduk menghambakan diri kepada Allah bersama para malaikat (Umar Sulaiman, 1985: 42), menjadi sombong dan takbur,

ingkak sujud kepadanya kerana ia merasakan dirinya yang dijadikan daripada api itu lebih mulia daripada Adam (al-a'raf: 12). Allah telah melaknat dan mengusirnya keluar dari syurga dan akan ditempatkan di neraka (al-a'raf: 38 dan 179, as-Sajdah: 13, ar-Rahman: 46-47). Kerana itulah iblis bersumpah akan menyesatkan Adam dan keturunannya (al-a'raf: 16-17) dan akan melakukan dengan apa cara sekalipun untuk melaksanakan sumpahnya itu.

Apabila ketaatan bertukar menjadi keingkaran dan reda dengannya, iblis berasa seronok melakukan kejahatan (ibid: 42). Begitu juga halnya dengan manusia yang rosak, di mana nafsunya sehati dengan keinginan untuk melakukan kejahatan. Ketika itu ia akan berasa seronok berbuat demikian dan berasa asyik untuk merosak akal, agama, diri dan harta (ibid: 43).

Iblis telah bersumpah akan menyesatkan manusia yang ada di muka bumi, menyebabkan tidak ramai manusia yang termasuk dalam golongan orang yang bersyukur (Saba': 13). Allah ada berfirman (al-Hijr: 42) menyatakan bahawa iblis tidak mempunyai kekuatan untuk menipu manusia, kecuali mereka yang tunduk menurut langkah-langkah syaitan yang terdiri daripada golongan orang yang sesat.

Ilmu kebatinan Melayu mengandungi rahsia-rahsia yang tidak mudah diungkap untuk difahami oleh masyarakat umum termasuk sebahagian besar mereka yang mempelajari dan mengamalkannya. Sifat tradisional ilmu-ilmu ini, yang diperturunkan dari mulut ke mulut, satu generasi kepada satu generasi yang terkemudian meletakkan mereka yang mempelajari ilmu ini menerima sepenuhnya amalan yang diperturunkan, menyebabkan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang digunakan berubah baris, sebutan, terjemahan dan tafsiran menurut evolusi yang berlaku. Walaupun demikian, lafaz yang dituturkan masih tetap seperti bunyi perkataan Arab menyebabkan masyarakat menganggapnya sebagai ayat-ayat al-Quran.

Natijah-natijah yang menarik, yang berupaya menyembuhkan penyakit, meramal tepat peristiwa yang telah dan sedang berlaku begitu menarik perhatian. Apabila ayat-ayat dan amalan yang telah dipesungkan, yang melahirkan sesuatu yang luar biasa itu bersatu dengan keyakinan masyarakat, maka ilmu kebatinan Melayu seperti ini akan terus-menerus wujud dalam masyarakat dan dianggap sebagai sesuatu yang biasa, padahal natijah-natijah yang menakutkan tadi lahir daripada amalan sihir. Sihir tidak akan berlaku kecuali dengan adanya penglibatan jin-jin.

Atabah – Utusan Malaysia 02042006